

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12/12/2018

TMJ persoal cara PM tangani isu

UM - 12/12/2018 hal 3

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 11 DIS.

TUNKU Ismail Sultan Ibrahim mempersoalkan cara Perdana Menteri menangani isu Pulau Kukup dan kuil di Selangor yang dilihat berbeza pendekatannya.

Tunku Mahkota Johor itu berkata, kerajaan Pusat dilihat mahu campur tangan isu Pulau Kukup tetapi tidak berbuat demikian dalam isu kuil di Seafield, Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

“Jika dibuat perbandingan, isu tanah kuil di Subang Jaya, Selangor itu juga adalah sangat serius kerana terdapat rusu-

han dan ketegangan antara kaum,” katanya menerusi akaun Facebook miliknya, semalam.

Tunku Ismail berharap kerajaan Pusat mengkaji terlebih dahulu isu sebenar yang berlaku di negeri ini sebelum menuduh perkara tidak tepat ataupun mendengar bisikan pihak tertentu.

Putera sulung Sultan Johor itu menegaskan, isu Pulau Kukup dilihat sebagai percubaan campur tangan sedangkan perkara tersebut di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

“Dalam kenyataan hari ini (semalam), Perdana Menteri ada



TUNKU ISMAIL

menyatakan bahawa Pulau Kukup tidak patut dibangunkan. Walau bagaimanapun, hingga hari ini tiada sesiapa pun yang mengeluarkan kenyataan mengenai pembangunan di Pulau Kukup.

“Isu sebenar mengenai Pulau Kukup adalah kita memerlukan langkah yang lebih progresif untuk memelihara kawasan berkenaan, bukannya untuk dibangunkan. Saya berharap agar mana-mana pihak tidak mengeluarkan kenyataan yang bercanggah daripada isu sebenar,” katanya.

Dalam isu Pulau Kukup kata beliau, Perdana Menteri me-

nyatakan kerajaan Pusat bukan ‘orang luar’ dan bertanggungjawab ke atas semua negeri termasuk pulau berkenaan.

“Oleh itu, kenapa kerajaan Pusat ingin masuk campur dalam hal tanah di Johor, tapi tidak mahu melakukan perkara sama dalam isu kuil di Selangor?”

“Dalam tempoh masa 12 hari sahaja, Perdana Menteri telah memberi dua kenyataan bercanggah mengenai bidang kuasa kerajaan Pusat mengenai urusan tanah di negeri berlainan,” katanya.

Rakyat juga katanya, sering kali mendapati kerajaan Pusat membuat pusingan U dalam pelbagai janji, isu serta keputusan dan kebanyakan isu tersebut memberi impak kepada kehidupan harian mereka.